

No. Soalan: 26
PR-1333-L71273

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 19 OKTOBER 2015

SOALAN : Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan sebagai anggota ASEAN terhadap isu pelarian dan penghapusan etnik Rohingya di Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagai mana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, pendirian dan dasar luar negara yang diamalkan oleh Malaysia adalah amat jelas dan konsisten iaitu tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara. Walau bagaimanapun, menyentuh mengenai isu pelarian dan penghapusan etnik di Myanmar, Malaysia memandang serius akan perkara ini dan percaya bahawa Kerajaan Myanmar perlu memainkan peranan yang lebih besar dan proaktif dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.
3. Dalam hal ini, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2015 menggunakan platform ASEAN untuk menyuarakan keprihatinan di samping menyeru Kerajaan Myanmar supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyelesaikan isu etnik Rohingya tersebut.
4. Malaysia juga berpandangan bahawa isu ini perlu ditangani dan diselesaikan dengan cara yang adil dan berkekalan oleh Kerajaan Myanmar. Pada masa yang sama, Malaysia tetap akan menyokong segala penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Myanmar sendiri tanpa campur tangan dan tekanan negara-negara luar. Ini adalah selaras dengan prinsip kita yang juga tidak mahu mana-mana negara asing mencampuri urusan dalaman negara kita.

Sekian, terima kasih.